

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 20
RUANGAN : NEGERI

Operasi kesan
premises makanan
kotor di daerah
Bachok

Oleh HAZELEN LIANA
KAMARUDIN
BACHOK

Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) mengarahkan lapan premis makanan di daerah ini ditutup, manakala 108 notis kompaun dikeluarkan sepanjang Operasi Bersepadu Premis Bersih Siri 07/2023.

Operasi pada Rabu itu melibatkan 52 premis makanan yang terletak di sekitar Bandar Bachok, Jalan Melawi-Kandis, Jalan Bachok - Budi dan Jalan Bachok - Beris Kubur Besar.

Pengarahannya, Datuk Dr Zaini Hussin berkata, kesemua lapan premis tersebut telah diarah untuk ditutup selama 14 hari di bawah Seksyen 11 Akta Makanan 1983.

"Arahan penutupan premis kerana tidak mencapai tahap kebersihan yang ditetapkan.

"Untuk notis kompaun, ia melibatkan pemilik premis dan pengendali makanan di atas pelbagai kesalahan yang melanggar Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Menurut Dr Zaini, kesalahan tidak mematuhi pakaian pengendali makanan mencatatkan notis paling tertinggi iaitu 88 kes, memakai aksesori (12 kes) dan tidak mempamerkan perakuan pendaftaran premis makanan (tiga kes).

Ujarnya, dua kes lagi melibatkan membenarkan pengendali makanan yang



Seorang kakitangan JKNK melakukan operasi mengesan premis yang melanggar peraturan kebersihan makanan.

tidak menghadiri latihan pengendali makanan atau tidak membuat pemeriksaan perubatan dan mendapatkan vaksin bekerja di premis.

"JKNK menasihatkan

orang ramai khususnya yang mengunjungi premis makanan di daerah Bachok dan juga di seluruh Kelantan supaya memilih premis makanan yang bersih ketika makan di luar," katanya.

8 diarah tutup, 108 dikompaun

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : NEGERI

70 klinik daif siap dinaik taraf

KUALA LUMPUR - Sebanyak 70 klinik daif di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di seluruh negara telah siap dinaik taraf menerusi inisiatif Bitara Madani.

Timbalan Menteri Kesihatan, Lukanisman Awang Sauni berkata, pada masa sama, sejumlah 366 klinik daif lagi sedang dalam fasa pelaksanaan.

"Kita (KKM) menjangkakan mampu menyiapkan (naik taraf) keseluruhan 436 klinik daif pada Disember 2023. Kejayaan 2023 ini amat penting bagi KKM untuk meyakinkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi menambah lagi peruntukan naik taraf klinik daif ini pada masa hadapan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi tetamu program Ruang Bicara bertajuk 'Membangun Klinik Daif, Memacu Perkhidmatan Efektif' terbitan *Bernama* TV pada malam Rabu.

Menurut Lukanisman, kos untuk menaik taraf sebuah klinik daif adalah sekitar RM50,000 hingga RM800,000.



LUKANISMAN

"436 klinik yang sedang kita (KKM) laksanakan ini tidak mempunyai nilai kos menaik taraf yang sama rata. Nilai ini berbeza kerana ia mengikut keperluan dan tempat sesebuah klinik itu," jelasnya.

Lukanisman yang juga Ahli Parlimen Sibuti berkata, antara kriteria diambil kira dalam menaik taraf klinik daif itu ialah bangunan yang mempunyai kerosakan serta mem-

punyai struktur kayu atau separa kayu.

"Selain itu, kita juga melihat klinik yang mempunyai masalah seperti paip atau pendawaian serta isu yang berhubung kait dengan keselamatan dan keselesaan pesakit. Masalah ini berlaku di kebanyakan klinik di seluruh negara, tidak kira klinik kesihatan atau klinik desa yang telah beroperasi 50 tahun," ulasnya.

Inisiatif Bitara Madani memberi fokus kepada penyelesaian terhadap kesulitan dan masalah yang dihadapi rakyat selain meningkatkan kualiti, kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam dalam memastikan kesejahteraan rakyat.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NATION

Funds allocated for Socso, healthcare and education

KUALA LUMPUR: The government has allocated RM100mil this year as provision for an 80% grant to Socso contributions for gig workers, besides gradually expanding the coverage of the Employees Provident Fund (EPF) and Socso to the working population in phases, says Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

He said this is crucial because according to data from EPF, more than 40% of the workforce does not have proper retirement savings, especially among informal workers, and as such, improvements will be made to ensure that the level of retirement savings is sufficient for Malaysians.

"The government will continue to strengthen the employment insurance system and retraining programmes to provide job opportunities for the unemployed. This approach is aligned with the transition from protecting jobs to protecting the workers in the context of a rapidly changing economy," said Anwar at the launch of the Madani Economy: Empowering the Rakyat initiative

"We need to provide lifelong learning pathways for the rakyat - in universities, TVET institutions or micro-credentials."

Datuk Seri Anwar Ibrahim

here yesterday.

He said the people's access to quality healthcare and education is his administration's top priority and allocations will be increased in accordance with the government's financial capacity.

In line with this, the government aims to move Malaysia into among the top 25 on the UN

Human Development Index, which takes into account health and education achievements, Anwar said, adding that he is committed to achieving a target of 5% of gross domestic product (GDP) for healthcare expenditure by optimising the public and private healthcare systems.

"The provision of quality healthcare access is manifested through the construction of the National Disease Control Centre with a projected cost of RM305mil in Negri Sembilan. It serves not only as a disease reference centre but also as a facility to prepare the country for any potential pandemic in the future," Anwar said.

Besides retirement and healthcare, he said efforts have also been made in education, particularly in increasing allocations, streamlining procurement procedures and decentralising implementation authority to accelerate school projects and improve dilapidated schools.

He said that to better meet the needs of development, Malaysia's education system needs to be

more demand-driven, especially in strengthening cooperation with industries and employers, particularly in the implementation of technical and vocational education and training (TVET).

"We need to provide lifelong learning pathways in whatever skills the rakyat wants to learn, whether it's in universities, TVET institutions or through necessary micro-credentials," said Anwar.

He said that the government, through Socso, has set aside RM42mil for the Bina Kerjaya Programme, which includes upskilling programmes for informal workers, including gig workers with qualifications of Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) and below.

Separately, Anwar also pointed out that as of 2022, 97% of Malaysia's population has access to treated water supply, with the exception of some residents in Kelantan and Sabah.

He said his administration is addressing this issue and has allocated an additional RM800mil for short-term solutions in both states.